

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN**  
**LESEN PENGILANGAN CAKERA OPTIK**  
**AKTA CAKERA OPTIK 2000**

**1. Pendahuluan**

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu syarikat yang berminat untuk memohon Lesen Pengilangan Cakera Optik mengikut keperluan Akta Cakera Optik 2000. Dokumen ini tidak boleh digunakan untuk sebarang pertikaian di mahkamah.

**2. Kaedah Permohonan**

- i. Pemohon hendaklah mengisi borang ACO-1 yang boleh didapati di kaunter Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang berhampiran atau muat turun di laman sesawang KPDNKK di alamat [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my).
- ii. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui pos atau serahan tangan kepada :

**Pengawal Cakera Optik  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi Dan Kepenggunaan  
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,  
Aras 4, Lot 2G3, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya**

**PERMOHONAN BARU**

- iii. **Dokumen-dokumen** yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut :
  - a) Borang ACO-1 (bertaip);
  - b) Pelan Pengeluaran; sama ada *mastering*, *pre-recorded* atau *recordable*;
  - c) Profil syarikat (*SSM print-out*); dan
  - d) Salinan surat perjanjian atau hak eksklusif dengan syarikat rakaman dalam atau luar negeri untuk mengilang.

iv. **Kelayakan Pemohon**

- a) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
- b) Syarikat yang mempunyai :
  - Lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (bagi modal berbayar melebihi RM2.5juta); atau
  - Surat sokongan MIDA (bagi modal berbayar kurang RM2.5juta)
- c) Syarikat atau lembaga pengarah tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Seksyen 41.1(g)) dan/atau Akta cakera Optik 2000 (Seksyen 4 dan Seksyen 19))

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN**

- v. **Dokumen-dokumen** yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut :
- a) Borang ACO-1 (bertaip);dan
  - b) Salinan Asal Lesen Pengilangan Cakera Optik